

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 NOVEMBER 2017 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Yayasan Pahang receives SIRIM anti-bribery award	New Straits Times
2.	MQA terima pensijilan sistem pengurusan antirasuah	Berita Harian
3.	Rapid disintegration of plastic rule	The Star
4.	4 petugas kemas kini cuaca semasa	Harian Metro
5.	myCuaca tawar informasi cuaca terkini	Astro Awani
6.	Musim tengkujuh mula minggu depan	Berita Harian
7.	Musim tengkujuh diramal bermula Isnin ini	Sinar Harian
8.	Tiada ribut kuat di Pulau Pinang	Utusan Malaysia
9.	Banjir: Giliran Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur selepas ini	Astro Awani
10.	Siap siaga gelombang kedua, ketiga banjir	Harian Metro

NEW STRAITS TIMES

ESTABLISHED 1845

Yayasan Pahang receives SIRIM anti-bribery award



SUBANG JAYA: Eleven organisations including Yayasan Pahang have been awarded a certificate of appreciation in conjunction with the launch of **SIRIM QAS International's** Anti-Bribery Management System Certification Scheme.

The eleven organisations were presented their certifications by Science, Technology and Innovation Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah and Minister in the Prime Minister's Department, Datuk Paul Low, at the SIRIM Industry 2017 awards night held at Dorsett Grand Subang Hotel tonight.

All eleven organisations were part of a pilot certification programme implemented by SIRIM QAS International in collaboration with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) and the Association of Malaysian Certified Integrity Office.

The newly launched Anti-Bribery Management System Certification Scheme is based on ISO 37001:2016 that outlines the need and provides guidance to organisations in detecting, preventing and responding to corrupt practices in line with the requirements of the MACC Act 2009, and other anti-bribery prevention laws.

The standard is also used by the Standard Department of Malaysia as MS ISO 37001:2016.

"The implementation of the Anti-Bribery Management System Certification Scheme in an organisation will enable them to improve their reputation, reduce operating costs, strengthen financial performances, nurture the culture of integrity and improve employee morale.

"Thus, contributes to a higher score in the national Corruption Perception Index as well as boosting investor confidence.

"The implementation of the scheme will also encourage organisations to implement integrity programmes and strengthen their internal control systems to prevent corruption," Abu Bakar said in his opening address.

Apart from the Anti-Bribery Management System Certification Scheme, seven other organisations had also received the SIRIM Quality Award 2017.

SIRIM chairman Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin who opened the award night in his address said the SIRIM Quality Awards 2017 was a recognition for organisations that achieved excellent quality management.

"We hope that this award will continue to inspire the organisations to be committed in manufacturing products and delivering services that would meet customer needs and efficient management," he said.



MQA terima pensijilan sistem pengurusan antirasuah



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh bersama timbalannya Datuk Dr Mary Yap Kain Ching bersama peserta ketika Larian MQA 2017 di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya. - Foto oleh Ahmad Irham Mohd Noor

CYBERJAYA: Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) menerima pensijilan Anti Bribery Management System (ABMS) daripada Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) atas ketelusan agensi itu menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata ia membuktikan agensi di bawah kementeriannya sentiasa mengamalkan integriti dalam setiap program bagi memastikan rakyat mendapat manfaat sepenuhnya hasil usaha kerajaan.

"Ini membuktikan agensi kita serius, telus dan ikhlas dalam mengadakan program kepada masyarakat dan warga kementerian.

"Kementerian sentiasa memastikan agensi di bawahnya mengamalkan integriti dalam apa juga program atau perkhidmatan yang ditetapkan," katanya selepas merasmikan acara larian MQA sempena ulang tahun ke-10 penubuhan agensi itu di sini, hari ini.

Acara itu disertai 2,000 peserta dalam tiga kategori iaitu 5, 10 dan 15 kilometer yang menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah lebih RM20,000.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Mary Yap; Ketua Setiausaha kementerian, Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur dan Ketua Pegawai Eksekutif, Education Malaysia Global Service (EMGS), Prof Datuk Dr Rujhan Mustafa.

Idris berkata, kementeriannya juga berjaya menyekat dan menolak permohonan pelajar asing yang terbabit jenayah untuk belajar di universiti di negara ini.

"Melalui EGMS dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri, kita dapat mengesan pelajar yang terbabit dengan pelbagai isu jenayah. INTERPOL juga memberi kerjasama baik bagi memastikan pelajar asing yang mahu belajar di negara ini bebas kesalahan jenayah," katanya.



Rapid disintegration of plastic rule

The number of notices issued by the local authorities versus the number of checks conducted on business premises speaks for itself. (see table)

This situation was predicted by plastic industry experts before the ruling was enforced.

In *StarMetro's* report on May 2 titled "Plant-based plastic bags not a good idea", these experts said there would be many deterrent factors that would make it difficult for business owners to make the change, the most significant reason being the three-fold increase in cost.

Another concern was the poor quality of the new bags that were unable to hold as much weight as the previous ones.

The other factor was the ethical issue of using food such as tapioca and corn to make these disposables.

Although all the experts agreed that the plant-based alternative was definitely better for the environment, they believed that it would not be feasible and hoped that the Government would instead focus on the four Rs – recycle, reduce, reuse and refuse.

Efficient 4R practice, they said, had been proven to reduce waste in countries like Austria, Germany and Taiwan.

The local authorities involved, Kuala Lumpur City Hall (DBKL), Putrajaya Corporation and Labuan Corporation, have been carrying out checks on types of food packaging used since Sept 1.

DBKL inspected 677 business premises and hawkers, and has issued 874 notices and 17 compounds.

Putrajaya Corporation, which checked on 493 premises and hawkers, issued 361 notices and four compounds.

Labuan Corporation checked 228 businesses and issued 245 notices. No compounds were issued in Labuan.

Notices were issued during the first visit as a reminder to the business owners to use plant-based food packaging and a compound of up to RM1,000 would be issued the second time if the change was not made.

Federal Territories Ministry secretary-general Datuk Adnan Md Ikhsan said engagement with the business owners on the new environmentally-friendly food packaging started in June last year so there was no excuse for using inert plastic bags or non-biodegradable food containers.

Enforcement was supposed to start in January but was delayed to September to give business owners more time to adopt the new practice.

By September, only five out of 20 packaging product manufacturers received the eco-label certification by Sirim. Some manufacturers blamed Sirim for lacking facilities to test the products on time.

As time was running out, the ministry allowed all manufacturers that had applied but were awaiting the Sirim certification to market their products, after signing an agreement to comply with the standards set.

To date, there are eight manufacturers certified by Sirim with an eco-label. The products by these manufacturers will have a ministry and eco-label stamp as proof of authorised distribution.

The traders and manufacturers have also raised concerns on possible forgery of the stamps by unscrupulous manufacturers who would then sell substandard packaging.

With Sirim already struggling to certify the manufacturers that have submitted their samples, tests on suspected substandard food packaging will tax the agency further.

These also meant that the products distributed by them may not comply with the standard set by the ministry, in which case they would be recalled.

However, the packaging could have been in circulation for over two months and chances are, many have ended in landfills by now.

On a positive note, the **Sirim Qas International Sdn Bhd** international business section product certification and inspection department head Harman Alang Kasim said that 15 manufacturers who were yet to be certified by September would know their results by the year end.

Harman said each sample takes three months to test and manufacturers could submit a new batch of samples if they fail to meet the mark.

Alternatively, the manufacturers could also get certification from overseas but it would be an expensive affair.

On the ground, the use of petroleum-based plastic bags is still rampant.

Visit any market and you will see almost every trader using these petroleum bags and polypropylene food containers openly.

The traders are expected to absorb the cost of expensive plant-based food packaging and most are unwilling.

Based the present situation, it looks like the whole system is in a chaos. There are too many loopholes in the implementation to make it a success.

Perhaps, it would have been wiser to consult the plastic industry experts first before implementation.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 34
TARIKH: 11 NOVEMBER 2017 (SABTU)

Kuala Lumpur: Orang ramai boleh merujuk aplikasi mudah alih, myCuaca yang mengandungi maklumat cuaca terkini selain laman web Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia).

Ketua Pengarah METMalaysia Alui Bahari berkata, empat petugas bertanggungjawab mengemas kini keadaan semasa cuaca dalam aplikasi dan laman web berkenaan bagi membolehkan rakyat bersedia menghadapi perubahan cuaca yang tidak menentu ketika ini.



ALUI

4 petugas kemas kini cuaca semasa

gungjawab mengemas kini keadaan semasa cuaca dalam aplikasi dan laman web berkenaan bagi membolehkan rakyat bersedia menghadapi perubahan cuaca yang tidak menentu ketika ini.

"Semua petugas berkenaan mempunyai dua syif iaitu pagi dan malam. Mereka bukan saja kemas kini aplikasi, malah di laman web METMalaysia <http://www.met.gov.my/>. Keadaan semasa cuaca dikemas kini dua kali sehari iaitu jam 10 pagi dan 10 malam.

"Namun, jika terdapat maklumat terkini, kami

akan kemas kini maklumat dengan segera untuk orang ramai," katanya ketika dihubungi, semalam.

Alui berkata demikian ketika diminta mengulas saranan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak yang mahu METMalaysia meningkatkan kekerapan he-bahan maklumat keadaan cuaca kepada rakyat melalui platform kementerian itu termasuk media arus perdana serta media sosial dengan kerjasama METMalaysia.

Menjelaskan mengenai laman web METMalaysia, Alui

berkata, medium itu mempunyai pelbagai maklumat berkaitan cuaca antaranya taburan hujan, kelajuan angin, indeks ultra ungu dan ramalan cuaca.

Beliau berkata MetMalaysia adalah agensi yang bertanggungjawab menyediakan maklumat terkini kepada orang ramai dan mereka hanya perlu merujuk kepada infomasi disediakan bagi mengelak kekeliruan.

"Baru-baru ini, tular berhubung suhu terendah dialami negara yang disebarkan menerusi media sosial. Jadi, ingin saya pesan supaya jangan mudah percaya.

"Maklumat sah berkaitan cuaca boleh diperolehi menerusi laman web, aplikasi myCuaca atau talian 1 300 22 IMET (1638)," katanya. - BERNAMA



myCuaca tawar informasi cuaca terkini - KP METMalaysia



Aplikasi itu mempunyai pelbagai maklumat berkaitan cuaca antaranya taburan hujan, kelajuan angin, indeks ultra ungu dan ramalan cuaca .

KUALA LUMPUR: Orang ramai boleh merujuk kepada aplikasi mudah alih, myCuaca, yang mengandungi maklumat cuaca terkini selain laman sesawang **Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia)**.

Ketua Pengarah METMalaysia Alui Bahari berkata empat petugas bertanggungjawab mengemas kini keadaan semasa cuaca dalam aplikasi dan laman sesawang berkenaan bagi membolehkan rakyat bersedia menghadapi sebarang perubahan cuaca yang tidak menentu ketika ini.

"Kesemua petugas berkenaan mempunyai dua syif iaitu pagi dan malam. Mereka bukan sahaja kemas kini aplikasi malah di laman sesawang METMalaysia iaitu <http://www.met.gov.my/>. Keadaan semasa cuaca dikemas kini dua kali sehari iaitu pada 10 pagi dan 10 malam.

"Namun, jika terdapat maklumat terkini, pihak kami akan kemas kini maklumat dengan kadar segera untuk orang ramai," katanya ketika dihubungi Bernama pada Jumaat.

Alui berkata demikian ketika diminta mengulas saranan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak yang mahu METMalaysia meningkatkan kekerapan hebahan maklumat mengenai keadaan cuaca kepada rakyat melalui platform kementerian itu termasuk media arus perdana serta media sosial dengan kerjasama METMalaysia.

Menjelaskan mengenai laman sesawang METMalaysia, Alui berkata medium itu mempunyai pelbagai maklumat berkaitan cuaca antaranya taburan hujan, kelajuan angin, indeks ultra ungu dan ramalan cuaca.

Beliau berkata MetMalaysia adalah agensi yang bertanggungjawab menyediakan maklumat terkini kepada orang ramai dan mereka haruslah hanya merujuk kepada infomasi yang disediakan pihaknya bagi mengelak sebarang kekeliruan.

"Baru-baru ini, terdapat tular berhubung suhu terendah dialami negara yang disebarkan menerusi media sosial. Jadi, ingin saya pesan agar jangan mudah percaya.

"Maklumat sahih berkaitan cuaca boleh diperoleh menerusi laman sesawang, aplikasi myCuaca atau talian 1 300 22 1MET (1638)," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BANJIR) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 11 NOVEMBER 2017 (SABTU)



Ketika Monsun Timur Laut, hujan berterusan untuk tempoh sehingga tiga hari boleh mengakibatkan banjir"

Kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia

Hujan lebat lebih tiga jam sejak jam 3 petang menyebabkan beberapa kawasan di sekitar bandar Seremban dilanda banjir kilat, semalam.

Musim tengkujuh mula minggu depan

➔ Lima episod hujan lebat dijangka melanda Pantai Timur, Sabah, Sarawak

Oleh Nazura Ngah, Nor Fazlina Abdul Rahim, Siti Azila Alias, Nurul Amanina Suhaini, Siti Rohana Idris dan Khairul Najib Asarulahan Khan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Selepas utara Semenanjung, banjir kini melanda pula selatan tanah air serta beberapa kawasan sekitar Lembah Klang dan Negeri Sembilan sebelum diramal menjejaskan Pantai Timur, barat Sarawak serta timur Sabah.

Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dalam kenyataan semalam, memaklumkan musim tengkujuh atau Monsun Timur Laut dijangka melanda negara bermula Isnin ini sehingga Mac depan

yang akan menyaksikan empat hingga lima episod hujan lebat.

Negeri dijangka mengalami hujan lebat dalam tempoh itu ialah Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor pada bulan ini dan bulan depan, manakala hujan lebat pada bulan depan lebih tertumpu di barat Sarawak serta utara dan timur Sabah.

"Ketika Monsun Timur Laut, hujan berterusan untuk tempoh sehingga tiga hari boleh mengakibatkan banjir di kawasan rendah dan cenderung banjir. Jika hujan lebat serentak air pasang pula, risiko banjir lebih buruk," katanya.

Kawasan dilanda banjir di Lembah Klang ialah sekitar Gombak, termasuk kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Batu 7 1/2 dekat Hulu Kelang, Taman Rawayah Jaya di Batu 8 dan Batu 9 serta Kampung Sungai Pusu

Dua kejadian runtuh cerun turut dilaporkan, iaitu di Jalan Lee Yun dekat Taman Zoo View dan Jalan Mulia 1/2, Taman Mulia Jaya, masing-masing di Ampang.

Seremban dilanda banjir

Antara lokasi terjejas di Seremban pula, termasuk jalan utama berhampiran Wisma UMNO di pusat bandar, selain Taman Sri Pulasan Mutiara Galla di Jalan Labu serta Taman Jasper apabila air naik sehingga setengah meter.

Di Johor Bahru, Kampung Lepau di Kota Tinggi dilanda banjir kilat, jam 5.20 petang semalam akibat limpahan air dari kawasan tadahan di tapak projek Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID), selain Kampung Pasir Skudai.

Pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Batu 10, dibuka bagi

menempatkan 18 mangsa banjir daripada empat keluarga dari Kampung Laut, Batu 10, Skudai.

Antara kawasan lain terjejas ialah Kampung Maju Jaya, Kampung Laut Skudai, Jalan Skudai (berhampiran Skudai Parade), Kampung Paya Kenangan dan Kampung Kangkar Tebrau.

Di Tumpat, dua pusat pemindahan menampung sehingga 3,000 mangsa banjir bersedia untuk beroperasi sepenuhnya jika Kelantan dilanda banjir, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tinggi dan SK Rantau Panjang 2.

Sementara itu, paras air Sungai Golok di Rantau Panjang masih pada tahap berjaga-jaga iaitu 7.12 meter, berikutan cuaca tidak menentu, manakala Sungai Galas di Kuala Krai yang berada di tahap berjaga-jaga kelmarin, kembali normal pada paras 31.61 meter.



Musim tengkujuh diramal bermula Isnin ini



Jabatan Meteorologi Malaysia

KUALA LUMPUR - Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh di Malaysia dijangka bermula Isnin ini (13 November) hingga Mac 2018 dengan hujan lebat diramalkan berlaku di Pantai Timur semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia)** hari ini, empat hingga lima episod hujan lebat dijangka berlaku pada musim tengkujuh kali ini.

"Episod hujan lebat dijangka berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor pada November dan Disember 2017. Pada Disember 2017 dan Januari 2018, episod hujan lebat dijangka lebih tertumpu di barat Sarawak serta utara dan timur Sabah," menurut METMalaysia dalam kenyataan.

Ia berkata semasa Monsun Timur Laut, hujan berterusan untuk tempoh sehingga tiga hari boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan berkedudukan rendah dan kawasan cenderung banjir.

"Sekiranya hujan lebat berlaku serentak dengan kejadian air pasang, risiko kejadian banjir akan menjadi lebih buruk," kata jabatan itu.

Ia menasihatkan orang ramai agar lebih berwaspada dan bersiap siaga dalam menghadapi musim tengkujuh ini serta sentiasa peka dengan amaran hujan lebat yang dikeluarkan METMalaysia melalui laman web www.met.gov.my, aplikasi mobil myCuaca, Facebook: [malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet), Twitter: [@malaysianmet](https://twitter.com/malaysianmet), perkhidmatan SMS 15888 dan MMD Hotline di talian 1 300 22 1MET (1638). - Bernama



Tiada ribut kuat di Pulau Pinang



KUALA LUMPUR 10 Nov. - **Jabatan Meteorologi Malaysia** menafikan akan berlaku ribut kuat yang bakal melanda Pulau Pinang seperti yang tular dalam laman sosial.

Ketua Pengarahnya, Alui Bahari berkata, berita yang tular itu merujuk kepada teknologi Agensi Pentadbiran Angkasa Lepas dan Aeronautik (NASA) berkaitan ribut kuat akan melanda negeri itu dalam tempoh dua hari akan datang.

"Berdasarkan pemantauan terkini pihak kami mendapati, dijangka tidak akan ada ribut kuat seperti yang dinyatakan dalam berita tular tersebut akan berlaku di negeri itu.

"Orang ramai dinasihatkan agar tidak mempercayai dan menyebarkan mesej yang belum disahkan kesahihannya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya dalam kenyataan di sini, petang semalam.

Sebelum itu, terdapat berita bahawa Pulau Pinang akan berhadapan dengan ribut kuat dan hujan tahap merah seperti yang berlaku pada awal malam 5 November yang membawa kepada banjir, tanah runtuh dan ribut.

Alui Bahari berkata, sehubungan itu orang ramai boleh mendapatkan maklumat yang sahih dari laman web rasmi Jabatan Meteorologi di www.met.gov.my atau melalui aplikasi myCuaca di telefon bimbit.

"Pengguna laman sosial juga boleh mengikuti maklumat terkini di laman Facebook, [malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet) dan Twitter, [@malaysiamet](https://twitter.com/malaysiamet) atau boleh menghubungi 1-300-221-638," katanya. - UTUSAN ONLINE



Banjir: Giliran Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur selepas ini



Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) menjangkakan akan berlaku empat hingga lima episod hujan lebat berterusan selama beberapa hari sepanjang tempoh Monsun Timur Laut yang bermula pertengahan bulan ini hingga Januari. -Gambar hiasan

KUALA LUMPUR : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) menjangkakan akan berlaku empat hingga lima episod hujan lebat berterusan selama beberapa hari sepanjang tempoh Monsun Timur Laut yang bermula pertengahan bulan ini hingga Januari.

Ketua Pengarahnya, Alui Bahari berkata keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan yang cenderung banjir dan kawasan rendah.

"Tiupan angin Monsun Timur Laut dijangka menyebabkan Kelantan dan Terengganu menerima kesannya bermula pada pertengahan November dan Disember, manakala Pahang dan Johor Timur bermula Disember dan Januari.

"Amaran awal bagi episod hujan lebat semasa Monsun Timur Laut akan dikeluarkan seawal satu hingga tiga hari manakala amaran ribut petir akan dikeluarkan sekiranya terdapat tanda-tanda intensiti ribut petir semakin meningkat," katanya ketika dihubungi Astro
AWANI.

Katanya, semasa fasa ini, kejadian hujan lebat dan ribut petir setempat dalam jangka masa singkat serta angin kencang lebih kerap berlaku pada waktu petang dan awal malam.

Beliau menasihati orang ramai agar peka dengan amaran cuaca buruk yang dikeluarkan jabatan itu dan mematuhi garis panduan keselamatan.



Siap siaga gelombang kedua, ketiga banjir



DR Ahmad Zahid pada Majlis Penyerahan Sumbangan Misi Bantuan Jabatan Sukarelawan Malaysia 2.0.

Putrajaya: Waspada dan bersiap siaga untuk gelombang kedua dan ketiga banjir. Itu nasihat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi kepada mangsa banjir di seluruh negara kerana berdasarkan ramalan **Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)**, akan ada gelombang kedua dan ketiga banjir.

Justeru, katanya, beliau mahu semua pihak bersiap siaga berdepan perkara itu dan pada masa sama menyetepikan perbezaan politik dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir.

"Saya menasihatkan supaya semua pihak mematuhi arahan dan nasihat dikeluarkan MET Malaysia supaya pemindahan dapat dilakukan mengikut piawaian ditentukan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jawatankuasa Bencana Negara yang dipengerusikan saya sendiri," katanya.

Dalam pada itu, katanya, misi bantuan berterusan daripada jabatan dan agensi kerajaan ke negeri dilanda banjir membuktikan Kerajaan Persekutuan 'buta warna' dalam hal membantu rakyat.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, selain menterjemahkan komitmen kerajaan membantu mereka yang ditimpa musibah, bantuan itu sebenarnya dilakukan atas rasa kemanusiaan yang tinggi terhadap kesusahan orang lain.

"Saya ucapkan terima kasih kepada jabatan, agensi atau badan bukan kerajaan yang sentiasa prihatin dengan nasib masyarakat walaupun negeri yang dilanda musibah dipimpin parti politik yang berbeza daripada Kerajaan Pusat," katanya.

Katanya, beliau juga kecewa dengan kenyataan segelintir pihak yang mempertikaikan kelambatan agihan bantuan diberikan Kerajaan Persekutuan kepada mangsa banjir.